



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : MRO, HIDROGEN DAN MARITIM ANTARA FOKUS DANA RM50 JUTA TVET 2.0 - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 6 JUN 2026

MRO, Hidrogen Dan Maritim Antara Fokus Dana RM50 Juta TVET 2.0 – Ahmad Zahid

🕒 06/06/2026 01:04 PM



Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (KKDW) merangkap Pengerusi Majlis TVET Negara Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari TVET Negara 2026 di Dataran Putrajaya hari ini. --fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

PUTRAJAYA, 6 Jun (Bernama) -- Dana hingga RM50 juta daripada Program Berimpak Tinggi di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan digunakan bagi memperkenalkan bidang baharu dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menerusi pelaksanaan TVET 2.0.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata bidang tersebut merangkumi teknologi tenaga hidrogen, penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta kejuruteraan maritim yang sebelum ini tidak diajarkan di mana-mana institusi TVET.

"Dana itu bagi menterjemahkan pelaksanaan kepada program TVET 2.0 dan ia digunakan untuk bidang baharu yang selama ini tidak diajarkan di mana-mana institusi TVET.

"Umpamanya pembelajaran mengenai tenaga hidrogen untuk kenderaan dan jentera, terutamanya bagi pengeluaran tenaga...ia termasuk bidang MRO dan Kejuruteraan Maritim," katanya kepada media selepas Majlis Perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2026 di sini hari ini.

Majlis itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan turut dihadiri barisan menteri Kabinet serta Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Ahmad Zahid berkata bidang MRO kini menjadi antara pilihan utama pelajar TVET berikutan prospek kerjaya yang baik, termasuk peluang menjalani latihan di luar negara bersama syarikat penerbangan terkemuka dunia seperti Airbus dan Boeing.

"MRO kini dipilih sebagai pilihan utama kerana bukan sahaja soal gaji, tetapi pelajar juga diberikan latihan di luar negara di syarikat Airbus ataupun Boeing," katanya.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : MRO, HIDROGEN DAN MARITIM ANTARA FOKUS DANA RM50 JUTA TVET 2.0 - AHMAD ZAHID

SUMBER : BERNAMA - 6 JUN 2026

Beliau berkata kerajaan turut memberikan keutamaan kepada lepasan institusi tahfiz dan pondok untuk menyertai program TVET bagi meningkatkan peluang mereka memperoleh pekerjaan berkemahiran tinggi.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata penyelarasan pelaksanaan TVET di peringkat kementerian dan agensi di bawah kepimpinan KSN bermula bulan depan bertujuan mempercepatkan pelaksanaan TVET 2.0.

Beliau berkata langkah itu penting bagi memastikan kesemua 12 kementerian yang terlibat serta agensi masing-masing dapat melaksanakan agenda TVET secara lebih berkesan dan terselaras.

"Permintaan melebihi penawaran. Oleh sebab itu kita harus memperbanyak latihan dalam pelbagai bidang mengikut keperluan pekerjaan dan sektor yang menerima pelaburan langsung asing (FDI)," katanya.

Mengulas sektor yang paling memerlukan tenaga kerja mahir ketika ini, beliau berkata industri MRO dan semikonduktor merupakan antara sektor yang paling mendesak.

Terdahulu, Anwar dalam ucapannya berkata kerajaan bersetuju membenarkan penggunaan dana hingga RM50 juta daripada Program Berimpak Tinggi di bawah PTPK bagi memperkukuh pelaksanaan TVET 2.0.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata penggunaan dana itu bagaimanapun bersyarat iaitu pihak majikan dan industri perlu bekerjasama erat dengan kerajaan bagi menjayakan agenda TVET 2.0.

Di bawah kerangka Belanjawan 2026, peruntukan keseluruhan bagi PTPK ditetapkan sebanyak RM650 juta.

-- BERNAMA